



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

AHAD, 3 MAC 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>DARAH POLITIK DARIPADA KELUARGA</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/seri/inspirasi/2024/03/darah-politik-daripada-keluarga/">https://www.utusan.com.my/seri/inspirasi/2024/03/darah-politik-daripada-keluarga/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>NIOSH, JKM N. SEMBILAN PROAKTIF TINGKAT KESEDARAN PENJAGAAN KESIHATAN MENTAL WARGA EMAS</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2275347">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2275347</a>	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>TASKA: IBU BAPA PERLU BIJAK BUAT PILIHAN</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/652192/berita/nasional/taska-ibu-bapa-perlu-bijak-buat-pilihan">https://www.sinarharian.com.my/article/652192/berita/nasional/taska-ibu-bapa-perlu-bijak-buat-pilihan</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>PENDIDIKAN SEKS PERLU DEMI KEKANG ROGOL STATUTORI, KATA AKTIVIS</b>	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/02/pendidikan-seks-perlu-demi-kekang-rogol-statutori-kata-aktivis/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/02/pendidikan-seks-perlu-demi-kekang-rogol-statutori-kata-aktivis/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>PEMBELAAN PENEMPATAN PEKERJAAN OKU DALAM PERKHIDMATAN AWAM</b>	
	<a href="https://www.suarakeadilan.my/post/pembelaan-penempatan-pekerjaan-oku-dalam-perkhidmatan-awam">https://www.suarakeadilan.my/post/pembelaan-penempatan-pekerjaan-oku-dalam-perkhidmatan-awam</a>	SUARAKEADILAN.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>399 PERMOHONAN BKPBP DILULUSKAN BERJUMLAH RM6.9 JUTA: FATIMAH</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/02/399-permohonan-bkpbp-diluluskan-berjumlah-rm69-juta-fatimah">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/02/399-permohonan-bkpbp-diluluskan-berjumlah-rm69-juta-fatimah</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>PUSPANITA PERLU JADI PELENGKAP KERAJAAN DALAM MENYANTUNI RAKYAT - KPPA</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/puspanita-perlu-jadi-peleengkap-kerajaan-dalam-menyantuni-rakyat-kppa-460465">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/puspanita-perlu-jadi-peleengkap-kerajaan-dalam-menyantuni-rakyat-kppa-460465</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>MINISTER CALLS FOR INCREASED MALE PARTICIPATION IN WOMEN'S DEVELOPMENT PROGRAMMES</b>	
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/minister-calls-for-increased-male-participation-in-womens-development-programmes/">https://www.newsarawaktribune.com.my/minister-calls-for-increased-male-participation-in-womens-development-programmes/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>KENYALANG GOLD CARD: MINISTRY OUT TO SEEK MORE STRATEGIC PARTNERS</b>	
	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/03/02/kenyalang-gold-card-ministry-out-to-see-more-strategic-partners/">https://www.theborneopost.com/2024/03/02/kenyalang-gold-card-ministry-out-to-see-more-strategic-partners/</a>	THEBORNEOPOST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>MINISTRY AIMS TO EMPOWER WOMEN IN BUSINESS AMID SST INCREASE</b>	
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/ministry-aims-to-empower-women-in-business-amid-sst-increase/">https://www.newsarawaktribune.com.my/ministry-aims-to-empower-women-in-business-amid-sst-increase/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>TRAUMA DICABUL RAKAN SEKERJA WARGA ASING</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1066059/trauma-dicabul-rakan-sekerja-warga-asing">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1066059/trauma-dicabul-rakan-sekerja-warga-asing</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/wanita-dicabul-rakan-sekerja-warga-asing/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/wanita-dicabul-rakan-sekerja-warga-asing/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/652381/berita/semasa/warga-asing-ditahan-cabul-rakan-sekerja-di-bilik-stor-sejuk-beku">https://www.sinarharian.com.my/article/652381/berita/semasa/warga-asing-ditahan-cabul-rakan-sekerja-di-bilik-stor-sejuk-beku</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://malysiagazette.com/2024/03/02/warga-asing-cabul-pembantu-jualan-ditahan-polis/">https://malysiagazette.com/2024/03/02/warga-asing-cabul-pembantu-jualan-ditahan-polis/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM



TAJUK : AKSES DI TEMPAT KERJA JADI CABARAN

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 3 MAC 2024

M/SURAT : 12

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Berdasarkan statistik yang dikongsi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengenai peningkatan orang kurang upaya (OKU) di Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang ketara dari tahun ke tahun.

Pada 2023, 691,427 orang kurang upaya (OKU) pada 2023 dicatatkan berbanding 633,653 pada 2022 dan 590,418 orang pada tahun sebelumnya.

Namun isu diskriminasi mendapatkan pekerjaan dalam kalangan golongan itu menjadi perhatian kumpulan berkenaan.

Kafe Ahad mendapatkan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) DATUK SERI NANCY SHUKRI yang berkongsi pandangannya mengenai isu berkenaan kepada wartawan, HAFIZ ITHNIN.

Bagaimana Datuk Seri melihat kepentingan OKU kepada ekonomi negara?

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa prihatin berhubung dengan isu berkaitan pembangunan ekonomi dan peluang pekerjaan kepada orang kurang upaya (OKU).

Bagi membantu OKU mendepani cabaran ekonomi yang sangat sengit dan kompetitif, pelbagai inisiatif dan usaha yang dijalankan kerajaan untuk menggalakkan OKU dalam sektor kerajaan dan swasta.

Antaranya ialah Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam kepada orang kurang upaya diperkenalkan pada tahun 1988 dan pelaksanaannya adalah melalui Perkhidmatan Pekeliling pada 2008 dan 2010.

Tujuan utama dasar ini diperkenalkan adalah untuk meningkatkan lagi keupayaan modal insan dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya bagi OKU dan merealisasikan hasrat menjadikan rakyat Malaysia sebagai masyarakat Madani Pelan Tindakan OKU 2016-2022 yang dibangunkan di bawah KPWKM sangat mementingkan pembangunan dan hak golongan ini.

Salah satu daripada 10 Teras ialah Memperkasakan Ekonomi Golongan OKU. Kerajaan mengambil pendekatan meningkatkan peluang golongan OKU untuk bekerja sendiri dengan menyertai bidang keusahawanan dan program pemerakasan ekonomi. Usaha kerajaan melalui pelbagai kementerian dan agensi telah dilakukan membuktikan bahawa golongan ini tidak dipinggirkan.



PELAN Tindakan OKU 2016-2022 yang dibangunkan di bawah KPWKM sangat mementingkan pembangunan dan hak golongan OKU.

# OKU SUKAR DAPAT KERJA AKSES DI TEMPAT KERJA JADI CABARAN

Menerusi laporan Kajian Peluang Pekerjaan Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia (2020) yang dilaksanakan untuk KPWKM, menunjukkan setelah 33 tahun hanya 0.34 peratus saja tercapai. Mengapa?

La boleh dicapai sekiranya orang kita memberi kerjasama beri pekerjaan kepada mereka (OKU). Ia bukan tidak dicapai tetapi masih belum dapat dicapai.

Cuma kita, di KPWKM sudah mencapainya. Namun ia bukan tanggungjawab kami saja kerana kerajaan yang membuat dasar ini.

Apabila kerajaan yang mewujudkannya, maka dasar ini menjadi tanggungjawab semua kementerian. Kami juga melihat kepada mengapa ia tidak tercapai kerana secara peribadi saya pernah cuba membantu OKU yang ingin mendapatkan pekerjaan tetapi disebabkan akses untuk OKU di premis tempat kerja menjadikan cabaran untuk mereka diterima kerja terutama di

bangunan yang lama. Namun pada hari ini, kebanyakan bangunan baharu sudah mempunyai kemudahan kepada OKU. Jadi bangunan lama perlu dipertingkatkan infrastruktur kepada golongan OKU. Jadi bukan mereka tidak mahu bantu tetapi itulah keadaannya.

Adakah Datuk Seri akan berbincang dengan semua kementerian memandangkan KPWKM menjadi juara di dalam golongan ini bagi memastikan sasaran dasar satu peratus itu dapat

dicapai? Bagi saya tidak perlu adakan perbincangan tetapi boleh dibawa ke Kabinet lagi. Selalunya kami (antara menteri) bercakap secara kasual tetapi saya boleh kemukakan kepada Kabinet mengenai perkara ini supaya kita boleh membawa ke kementerian masing-masing.

Malah kita juga ada Majlis Kebangsaan OKU yang mewakili organisasi masing-masing. Mereka ini yang menjadi penasihat kepada kerajaan memandangkan ahlinya terdiri daripada penyarah dan penyelidik yang boleh memberi pandangan serta statistik mengenai keperluan OKU. Saya akan bawa isu ini ke Kabinet.

Adakah Datuk Seri bersetuju masih berlaku isu diskriminasi peluang pekerjaan kepada OKU?

Kita sebagai orang bukan OKU tidak merasakannya. Saya nak katakan tidak bersetuju tidak adil kerana yang merasakan OKU itu sendiri. Cuma saya katakan begini, kita

ada ruang tertentu untuk mereka mengadu. Jika OKU menceritakan kepada kami, kementerian akan nasihatkan supaya mereka pergi mengadu kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) jika membabitkan JPA.

Bagi kita, OKU tidak perlu untuk merujuk dari segi undang-undang jika berlaku diskriminasi kerana ia akan menjadi beban kepada mereka sendiri.

Kita tidak mahu isu ini menjadi beban kepada mereka, tetapi jika dimaklumkan kepada kita, kami boleh bantu. Disebabkan itu, kalau di KPWKM mempunyai kaunselor dan ambil kira semua ini untuk diambil rekod. Kami tidak mahu OKU ini didiskriminasi. Cuma kita mahu tahu jenis diskriminasi yang berlaku. Jika dari segi pekerjaan kita ada cara untuk membantu mereka menerusi job coach dan kita juga ada kerjasama dengan kementerian lain untuk memberikan mereka pekerjaan.

Jadi kita akan nilaikan diskriminasi itu. Mereka mempunyai ruang untuk mengadu dan kita akan membantu mereka mendapatkan pekerjaan menerusi kerjasama yang ada dengan kementerian termasuk bersama pihak swasta.

Jika tiada tindakan isu diskriminasi ini, bagaimana?

Sebenarnya bukan tugas KPWKM, tetapi jika mereka mengadu kami ada alternatif sebab yang penting mereka mahu pekerjaan. Nak siasat bukan kerja kita. Kalau asyik ingin siasat bila mahu berikan mereka pekerjaan? Bagi saya kita perlu fokus.


Fokus kita adalah untuk membantu orang ini mendapat pekerjaan. Malah kami ada juga cara untuk mereka menjadi usahawan.

Difahamkan pada 2024 akan berlaku pengubalan Akta OKU 2008. Adakah akta ini merangkumi dari segi penguatkuasaan dan ada elemen anti diskriminasi?

Betul. Ia masih belum muktamad lagi kerana belum dibentangkan kepada saya dan pihak berkepentingan lain terlebih dulu supaya kita boleh menyemak untuk perkara ini. Itu saya belum tahu kerana saya tidak mahu bercakap mengenai perkara berkenaan kerana tidak mahu mengambil tugas orang lain. Jika ia berada di bawah kuasa orang lain, tidak boleh dengan mudah mengambil kuasa orang. Walaupun OKU di bawah kita tetapi diskriminasi itu agak sukar untuk kami menanganinya. Namun saya akan melihat apa yang akan dimasukkan lagi.

“Saya boleh kemukakan kepada Kabinet mengenai perkara ini supaya kita boleh membawa ke kementerian masing-masing” Nancy





## Darah politik daripada keluarga



Oleh Nur Atzan Mohamad Yusof dan HALINA MD. NOOR 2 Mac 2024, 7:53 am

"Dari dulu, saya dikelilingi orang yang terbabit dengan rakyat termasuk arwah emak yang aktif membantu penduduk di Petrajaya," ujar Datuk Seri Nancy Shukri.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) itu berkata, darah politik yang ada dalam dirinya banyak dipengaruhi oleh ibu bapa.

Ibunya, Bibi McPherson merupakan ketua wanita sekitar 1960-an dan aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak.

Malah, ibunya turut turun ke kampung-kampung untuk menerangkan dasar-dasar kerajaan seperti merancang keluarga.

"Saya pun selalu mengikut emak bila ada aktiviti memasak untuk askar. Masa itu saya kecil lagi, seronok tolong tarik keluar kual dan dari situlah, tumbuh minat untuk berkhidmat kepada masyarakat serta aktif dalam NGO," katanya.

Manakala, arwah ayahnya, Shukri Majidi pernah bertanding parti bebas ketika pilihan raya Sarawak yang pertama pada 1973 tetapi tiada rezeki untuk menang.

"Ayah banyak bertukang di rumah dan mahir membuat bakul dan tikar. Malah, sering membantu orang mengarang surat-surat rasmi. Arwah meninggal dunia pada 1989 sebab penyakit jantung," katanya.



### Keja dengan Ketua Menteri

Sewaktu memegang jawatan sebagai Pengerusi Sarawak Federation Of Women Institute, Nancy terbabit dalam pelbagai aktiviti termasuk penganjuran persidangan antarabangsa dan berjumpa Ketua Menteri ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Taib Mahmud untuk berbincang mengenai badan NGO itu.

Ketika itulah beliau mendapat perkhabaran yang kepimpinan parti politik Sarawak mencari wanita untuk menjadi ahli politik.

Namun, beliau terkejut apabila Tun Abdul Taib Mahmud (ketika itu adalah Ketua Menteri Sarawak), bertanya kepadanya, bagaimana jika beliau dilantik sebagai setiasaha politiknya.

"Saya memang sering berurusan dengan Tun berkaitan aktiviti NGO dan tak sangka ditanya begitu dan hanya menjawab, terserah pada Tun sendiri.

"Pada Disember 2006, saya dapat panggilan untuk mengangkat sumpah jawatan berkenaan. Pada masa itu, saya tidak tahu sangat pasal politik sebab saya bukan orang parti, namun, saya suka membaca isu-isu politik," katanya.

Sebelum dilantik sebagai setiasaha politik, Nancy merupakan Ketua Bahagian Undang-Undang di Dewan Bandaraya Kuching Utara.

Pada masa itu, Nancy turut mengusahakan sebuah kafe di Kuching tetapi terpaksa ditutup sebab tiada yang boleh menguruskannya.

"Masa mula bekerja di pejabat Ketua Menteri, saya risau bila Tun berpesan buat kerja yang terbaik kerana kepimpinan memerhatikan saya. Tapi saya tidak faham maksudnya itu," katanya.



## NIOSH, JKM N. SEMBILAN PROAKTIF TINGKAT KESEDARAN PENJAGAAN KESIHATAN MENTAL WARGA EMAS



02/03/2024 05:02 PM

PORT DICKSON, 2 Mac (Bernama) – Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan mengambil langkah proaktif berkongsi teknik menangani tekanan mental dalam kalangan warga emas di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di sini.

Pengurus Kanan Jabatan Pendidikan Latihan dan Pejabat Wilayah NIOSH, Saupi Nazri Mamat berkata menyedari kepentingan penjagaan kesihatan mental terutamanya dalam kalangan warga emas, sukarelawan terlibat mendekati ahli PAWE dan mengajar beberapa modul bantuan awal pertolongan cemas.


“Antara teknik digunakan termasuk teknik pernafasan teratur dan terapi rehat atau tidur sebentar bagi mengurangkan tekanan. Ahli PAWE turut belajar pengetahuan asas mengenal pasti ahli keluarga atau rakan yang mengalami tekanan mental seperti keresahan dan kemurungan.

“Kita juga menggalakkan aktiviti menanam pokok untuk menangani tekanan mental yang mungkin disebabkan bebanan kerja atau masalah domestik. Usaha ini bagi memperkasakan inisiatif berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG),” katanya kepada Bernama.

Pengarah JKM negeri Rosnah Sardi berkata antara program dijalankan bersama-sama warga emas di sembilan PAWE di negeri ini ialah pemeriksaan dan ceramah kesihatan dengan kerjasama pusat kesihatan terdekat, sesi bersama pegawai kaunselor serta perkongsian ilmu berhubung kesihatan mental.

Rosnah berkata berdasarkan pemerhatian memang terdapat warga emas berisiko kesihatan mental khususnya kemurungan akibat sindrom ‘empty nest’ iaitu perasaan sedih dan kesunyian apabila berjauhan dengan anak-anak.

“JKM juga menyediakan perkhidmatan Khidmat Bantu di Rumah khusus bagi warga emas yang tinggal seorang diri. Warga emas ini akan dibantu oleh sukarelawan secara berkala,” katanya.



TAJUK : RANGKA PROGRAM TINGKAT KEUPAYAAN OKU

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 3 MAC 2024

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

**Kuala Lumpur:** Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendedahkan ada 691,427 orang kurang upaya (OKU) pada 2023.

Jumlah itu juga menunjukkan peningkatan OKU di Malaysia saban tahun apabila 586,558 OKU dicatatkan pada 2020.

Manakala pada 2021 pula terdapat 590,418 OKU sebelum meningkat kepada 633,653 pada 2022.

Jurucakap JKJ berkata, pihaknya sentiasa merangka program bagi meningkatkan keupayaan OKU termasuk bagi memasuki sektor pekerjaan.

"Antara program dilaksanakan adalah Bengkel Terlindung di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK). Terdapat dua Bengkel Terlindung iaitu Bengkel Daya Klang, Selangor dan Bengkel Daya Sungai Petani, Kedah.

"Penubuhan bengkel ini adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada OKU yang tidak mampu bersaing di pas-

## Rangka program tingkat keupayaan OKU

ran luar," katanya.

Di samping itu, bengkel terbabit ditubuhkan untuk melatih mereka supaya berdikari dan meningkatkan kemahiran diri dalam bidang tertentu supaya mendapat lebih peluang bekerja di pasaran terbuka.

"Bengkel Daya menyediakan peluang kemahiran di Unit Kerja (Bengkel Perusahaan) kepada pekerja OKU seperti jahitan, sulaman, roti dan pastri, dobi, peruncitan dan bistro (restoran).

"Sehingga kini, 75 OKU mendapat manfaat di Bengkel Daya. Perkhidmatan Job Coach yang diperkenalkan pada 2012 melalui kerjasama antara JKJ dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA). Ini adalah inisiatif untuk memberi sokongan pekerjaan kepada OKU.

"Dalam tempoh 2012 hingga April 2023, seramai 1,573 OKU mendapat pekerjaan melalui perkhidmatan JobCoach. Sejumlah

956 majikan juga menggajikan OKU melalui Job Coach," katanya.

Menurutnya, media sosial berkembang pesat dan menjadi platform menjadi penjenamaan, ekspresi sendiri, dan perniagaan.

"Media sosial kini menjadi saluran utama dan pilihan mendapatkan inspirasi, maklumat, berkomunikasi dan berhubung dalam komuniti berbanding media konvensional dan elektronik.

"PDKNet adalah Projek Rintis Program ICT dan Multimedia bagi membantu golongan OKU dalam proses pembelajaran dan pemulihan.

"Program PDKNet adalah inisiatif dilaksanakan KPWK untuk merapatkan jurang digital di antara komuniti Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) menggunakan ICT sebagai pemangkin kepada pembelajaran interaktif kepada golongan sasaran," katanya.



## Pendidikan seks perlu demi kekang rogol statutori, kata aktivis

Pengerusi PAGE Noor Azimah Abdul Rahim topik itu tidak patut terus jadi pantang larang terutama dalam kalangan berpendapatan rendah.

Faisal Asyraf - 02 Mar 2024, 8:30am



Ibu bapa perlu sentiasa berbual berkait apa berlaku dalam kehidupan anak-anak, kata Noor Azimah Abdul Rahim.

PETALING JAYA: Program komprehensif pendidikan seks diperlukan demi membangkitkan kesedaran ibu bapa dan anak, selain menggalakkan perbualan subjek tabu itu susulan peningkatan kes rogol statutori, kata aktivis.

Pengerusi Kumpulan Bertindak Ibu Bapa bagi Pendidikan (PAGE), Noor Azimah Abdul Rahim berkata tidak sepatutnya subjek seks kekal menjadi 'pantang larang' dalam masyarakat moden, terutama melibatkan isi rumah berpendapatan rendah.

"Kempen boleh dilaksanakan dengan mengedar risalah dan poster di kawasan projek perumahan rakyat (PPR) untuk menimbulkan kesedaran.

"Garis panduan disebar luas kepada ibu bapa melalui pihak sekolah demi membantu kefahaman mendekati isu seks dengan anak-anak mereka.

"Lebih baik dibuat menerusi pendidikan, jadi mereka boleh berfikir sendiri," katanya kepada FMT.

Azimah berkata, ibu bapa perlu sentiasa berbual dengan anak-anak mereka berkait apa berlaku dalam kehidupan mereka.

"Ia perlu bermula dengan perbualan normal untuk mewujudkan ikatan dan rasa percaya.

"Apabila rasa percaya dibina antara ibu bapa dan anak-anak, bercakap perkara lebih sukar dan penting berlaku lebih semula jadi," katanya.

Azimah mengambil maklum berbanding di Barat, ibu bapa Asia tipikalnya mengelak bercakap berhubung seks.

Terdahulu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Shuhaily Zain, mendedahkan jumlah rogol statutori libat remaja berusia 16 tahun ke bawah semakin meningkat.

Berdasarkan rekod polis, terdapat lebih 202 kes tahun lalu berbanding 2022 (bertambah 11.8%), kebanyakan membabitkan lingkungan dari keluarga berpendapatan B40.

Dalam pada itu, aktivis Vijayakumari Pillai menggalakkan orang awam terutama menetap di PPR mengguna pakai kaedah tradisi mengambil berat apa berlaku di sekeliling.

"Menjadi tanggungjawab ibu bapa melindungi anak-anak mereka. Kita tahu ada ibu bapa bekerja keras mencari rezeki, namun mereka perlu ambil tanggungjawab dan bercakap dengan anak-anak soal keselamatan sendiri.



Vijayakumari Pillai.

"Sekolah juga sepatutnya secara kerap bercakap tentang keselamatan sendiri di peringkat sekolah rendah dan menengah. Kanak-kanak kena sentiasa diberi ingatan selalu, dan maklumat mesti diperkasa," kata bekas penolong pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat itu.



12 hours ago · 2 min read

## Pembelaan Penempatan Pekerjaan OKU Dalam Perkhidmatan Awam



Oleh: Dr Mohd Fauzi Hj Fadzil

**ULASAN:** Penempatan 1% OKU di dalam Sektor Awam bukanlah sesuatu yang baharu kerana ia telah diperkenalkan melalui Pekeliling Perkhidmatan 10/1988 dan Akta OKU 2008 (Akta 685). Namun begitu setelah hampir 36 tahun sektor awam masih gagal mencapai sasaran tersebut.

Sesuatu yang menyedihkan apabila Jabatan Perkhidmatan Awam melaporkan pada tahun 2022 bahawa kecuali Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kesemua kementerian lain telah gagal untuk mematuhi dasar penempatan 1% OKU di dalam sektor awam. Paling menyedihkan apabila laporan tersebut menyatakan bahawa pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah tidak mempunyai walau seorang penjawat awam dalam kategori OKU.

### Tidak sampai 0.5% OKU diterima

Laporan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menunjukkan bahawa pada tahun 2022 seramai 1.2 juta orang memohon sebagai penjawat awam, namun dari jumlah tersebut hanya 763 OKU yang dipanggil untuk temuduga (hanya 0.06% OKU terlibat).

Lebih menyedihkan lagi pada tahun 2022 hanya 71 OKU diterima sebagai penjawat awam berbanding jumlah keseluruhan sebanyak 20,762 (hanya 0.3% OKU mendapat perlantikan). Data-data tersebut jelas menunjukkan bahawa tiada kesungguhan daripada pihak kerajaan untuk menghormati dan melaksanakan dasar penempatan 1% OKU di dalam sektor awam.

Perkara ini telah dibangkitkan oleh Majlis Belia Orang Kurang Upaya (MBOKU) di dalam sesi Dialogika Daerah (Konvensyen Belia Nasional) yang melibatkan YB Tuan Adam Adli selaku Timbalan Menteri Belia dan Sukan. MBOKU secara tegas menyatakan bahawa Kementerian Belia dan Sukan (KBS) gagal untuk menghormati dasar kerajaan dalam isu tersebut.

MBOKU bukan sahaja menuntut kerajaan melaksanakan dasar tersebut secepat mungkin malah dasar tersebut sepatutnya digubal untuk meningkatkan jumlah golongan OKU dalam penjawatan awam sebanyak 3%, ia selari dengan standard yang dilaksanakan oleh negara-negara maju diseluruh dunia.

Perkara ini bukan sesuatu yang asing kerana Itali menetapkan 7% kuota untuk golongan OKU dalam penjawatan awamnya, Perancis menetapkan 6% dan Sepanyol pula 5%. Lebih memalukan bagi negara membangun seperti Malaysia apabila negara seperti Tanzania mampu menetapkan kuota 5% untuk penjawat awam OKU.


### Tingkat kuota kepada 3%

MBOKU sebelum ini telah membangunkan sebuah Kertas Makluman bagi menggesa kerajaan meningkatkan kuota penjawat awam OKU dari 1% kepada 3%, perkara ini disarankan dengan rasional bahawa dasar tersebut dapat mengurangkan kebergantungan golongan OKU kepada inisiatif kerajaan serta mendorong kemandirian golongan OKU untuk jangka masa panjang.

Perkara ini dapat dicapai bukan sahaja dalam sektor awam malah swasta melalui potongan cukai berganda bagi majikan yang menggaji golongan OKU. Cadangan ini mempunyai asasnya kerana pekeliling kerajaan ada menyentuh berkenaan Potongan Berganda (Double Deduction) P.U.(A) 61/1992 Cukai Pendapatan (Potongan bagi Latihan Yang Diluluskan) dan P.U.(A) 111 Cukai Pendapatan (Potongan bagi Latihan yang Diluluskan) (Perubahan) Undang-Undang 1995.

Justeru pihak kerajaan perlu mula menunjukkan kesungguhan dan iltizam bagi melaksanakan dasar tersebut, negara MADANI yang didambakan tidak akan mampu dicapai tanpa melibatkan seluruh segmen masyarakat.

*Penulis merupakan Timbalan Pengerusi Biro Pendidikan Majlis Belia Malaysia (MBM)*



## TASKA: Ibu bapa perlu bijak buat pilihan

02 Mac 2024 09:30am Masa membaca: 4 minit



Garis Panduan Keselamatan Kanak-Kanak di TASKA berdaftar memberi tumpuan kepada aspek keselamatan dan kecenderungan kanak-kanak.

Perubahan struktur serta fungsi sosial masyarakat hasil daripada perkembangan ekonomi yang kompleks pada hari ini telah menuntut penglibatan semua pihak dalam sektor guna tenaga.

Perkembangan ekonomi tersebut secara tidak langsungnya telah mempengaruhi struktur sosial masyarakat semasa. Malah, dalam konteks gender, golongan wanita dan lelaki telah bersama-sama memainkan peranan yang setara dalam pengurusan sesebuah keluarga.

Maka tidak hairanlah apabila di mana-mana sahaja khususnya di kawasan penempatan penduduk sama ada di kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar, taman asuhan kanak-kanak atau lebih dikenali sebagai TASKA seolah-olah tumbuh seperti cendawan yang menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada para ibu bapa.

Tidak dinafikan, TASKA merupakan alternatif penjagaan kanak-kanak yang dapat memberi peluang kepada ibu bapa memberi tumpuan melaksanakan tugas di tempat kerja.

Di samping persekitaran yang kondusif, kanak-kanak yang menghadiri TASKA dapat berinteraksi dengan rakan sebaya selain dapat membina kemahiran sosial yang amat membantu perkembangan mereka dengan lebih menyeluruh.

### Pemilihan TASKA



Ibu bapa perlu membuat pilihan sewajarnya sebelum membuat pilihan TASKA bagi memastikan fasiliti dan kemudahan yang disediakan adalah berkualiti untuk anak-anak mereka.

Bagaimanapun, dalam memastikan anak-anak mendapat penjagaan serta asuhan yang baik, pemilihan TASKA amatlah penting, dan ibu bapa harus mempunyai kefahaman yang jelas mengenai perkara itu.

Ini kerana, ada TASKA yang berdaftar dan ada pula yang tidak. Namun, adalah paling baik sekiranya ibu bapa memilih TASKA yang berdaftar bagi memastikan anak-anak mereka dijamin dari segi keselamatan serta perkembangan yang menyeluruh.

Dari segi perundangan, Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Aktta 308) digub untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas TASKA dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

Ditakrifkan sebagai TASKA, Seksyen 2, Akta 308 menetapkan mana-mana premis yang empat orang atau lebih kanak-kanak di bawah umur empat tahun dari lebih daripada satu isi rumah diterima masuk untuk dijaga dengan upah.

Malah, akta itu turut mengkategorikan TASKA berdaftar kepada empat jenis iaitu TASKA Di Rumah, TASKA Tempat Kerja, TASKA Institusi dan TASKA Komuniti.

### Keputusan TASKA berdaftar

Ibu bapa perlu mementingkan perkembangan dan kualiti asuhan anak-anak mereka yang mana TASKA yang berkualiti akan menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam kemahiran kognitif.

Justeru, TASKA berdaftar merupakan alternatif asuhan dan jagaan terbaik bagi ibu bapa bekerja kerana TASKA ini perlu mematuhi standard minimum yang telah ditetapkan oleh Akta 308 dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012.

Malah, JKM telah mewajibkan penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) di TASKA berdaftar sekali gus memberi ketenangan minda kepada ibu bapa ini bahawa anak mereka berada dalam keadaan selamat.

Pada masa sama, JKM turut mengeluarkan Garis Panduan Keselamatan Kanak-Kanak di TASKA berdaftar berkuakkuasa 1 Januari 2024 susulan daripada kes-kes yang berlaku sebelum ini antaranya seperti insiden anak-anak tertinggal di dalam kenderaan, kemalangan dan sebagainya.

Menurut Ketua Pengarah JKM, Norazman Othman, Garis Panduan Keselamatan Kanak-Kanak merupakan pendekatan komunikasi penting yang melibatkan peranan bersama di antara pengusaha, pengasuh dan ibu bapa.



NORAZMAN

"Sebagai contoh, sekiranya pengusaha atau pengasuh mendapati ada kanak-kanak yang tidak hadir ke TASKA tanpa pemberitahuan awal, mereka perlu menghubungi ibu bapa dalam tempoh 30 minit dari waktu kehadiran untuk mengetahui keberadaan kanak-kanak tersebut."

"Malah, pengusaha dan pengasuh TASKA perlu merekod komunikasi tersebut dalam buku log harian kanak-kanak berkenaan," jelas Norazman.

Selain itu, garis panduan tersebut turut memberi perhatian terhadap keperluan para pengusaha pengurus, penyelia atau pengasuh TASKA dengan kemahiran pertolongan cemas dan resusitasi kardiopulmonari (CPR) sebagai intervensi awal jika berlaku sebarang insiden kecemasan ke atas kanak-kanak.

### Limitasi

Namun begitu, terdapat limitasi pelaksanaan garis panduan tersebut kerana TASKA yang tidak berdaftar sudah pastinya tidak akan melaksanakannya.

Berbanding dengan TASKA berdaftar, JKM sentiasa membuat pemeriksaan secara berkala atau pemeriksaan mengejut bagi memastikan memastikan pengoperasian TASKA sentiasa mematuhi kehendak Akta 308 sekali gus memantau persekitaran keselamatan dan kebajikan kanak-kanak.



TASKA perlu mempunyai kemudahan yang sesuai, selesa dan mencukupi bagi keperluan kanak-kanak.

Kesimpulannya, memilih TASKA berdaftar merupakan alternatif jagaan terbaik untuk ibu bapa yang bekerja.

Ibu bapa hendaklah menilai sewajarnya sebelum membuat pemilihan TASKA bagi memastikan fasiliti dan kemudahan yang disediakan adalah berkualiti demi anak-anak mereka.

### Info:

#### Standard Minimum TASKA Berdaftar:

1. Nisbah pengasuh dengan kanak-kanak mencukupi.
  - Seorang pengasuh bagi tiga orang Kanak-kanak berumur kurang setahun (1:3).
  - Seorang pengasuh bagi lima kanak-kanak berusia 1 hingga 3 tahun (1:5).
  - Seorang pengasuh bagi 10 kanak-kanak berusia 3 hingga 4 tahun (1:10).
2. Nisbah ini juga berbeza bagi pengasuh yang menjaga kanak-kanak golongan Orang Kurang Upaya (OKU).
3. Mematuhi nisbah kanak-kanak dengan ruang lantai.
  - Ruang lantai 2.5 meter persegi bagi seorang kanak-kanak di TASKA Rumah.
  - Ruang lantai 3.5 meter persegi bagi seorang kanak-kanak di TASKA Institusi, TASKA Tempat Kerja dan TASKA Komuniti.
4. Pengusaha, pengurus, penyelia dan pengasuh TASKA terlatih dan mempunyai kemahiran dalam asuhan berkualiti kepada kanak-kanak.
5. Pengurus, penyelia, pengasuh hendaklah lulus Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) atau Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Pemata (KAP) yang dikraf JKM.
6. Pengasuh warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas.
7. Menyedia dan mempamerkan jadual menu makanan yang seimbang.
8. Menyedia dan mempamerkan jadual aktiviti harian mengikut peringkat umur kanak-kanak.
9. Menyedia dan mempamerkan jadual menu makanan yang seimbang.
10. Menyedia dan mempamerkan rekod-rekod seperti rekod kanak-kanak pengasuh di TASKA.
11. Menjaga kebersihan dan keselamatan di dalam dan luar premis TASKA.
12. Mendapat sokongan dan kelulusan dari Agensi Teknikal seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Jabatan Kesihatan.



TAJUK : IBU BAPA 'LALOK MENAGIH SYABU'

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 3 MAC 2024

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# IBU BAPA 'LALOK' MENAGIH SYABU

*Lima beradik diselamatkan JKM sering ditinggal tanpa pengawasan hingga terpaksa minta makanan daripada jiran*

Oleh Meor Riduwan  
Meor Ahmad  
am@hmetro.com.my



## Melaka

Sering ditinggal tanpa pengawasan orang dewasa dalam persekitaran rumah kotor dan tidak terurus hingga terpaksa meminta makanan daripada jiran-jiran.

Itu nasib menimpa lima beradik termasuk bayi lelaki berusia tiga bulan yang terabai akibat ibu bapa 'lalok' menagih syabu di sebuah kampung di Pernu di sini.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Nordin berkata, lima beradik malang membabitkan

ibu bapa kanak-kanak terbabit dilaporkan tidak membawa bayi mereka berumur dua bulan (ketika kejadian) untuk pemeriksaan kesihatan dan vaksinasi bayi"

Kalsom

dua perempuan dan tiga lelaki itu berusia 10 hingga tiga bulan bagaimanapun diselamatkan jabatan Kebajikan Masyarakat selepas menerima aduan berkaitan pada Januari lalu.

Menurutnya, terdahulu pihak Pelindung Daerah Melaka Tengah menerima maklumat kes pengabaian kanak-kanak oleh ibu bapa melalui Klinik Kesihatan (KK) Telok Mas pada 9 Januari lalu.

"Ibu bapa kanak-kanak terbabit dilaporkan tidak membawa bayi mereka berumur dua bulan (ketika kejadian) untuk pemeriksaan kesihatan dan vaksinasi bayi.

"Bayi itu dan adik-beradiknya yang lain juga tidak mendapat pengawasan dan pengawalan yang sepatutnya hingga sering meminta makanan di rumah jiran berdekatan.

"Rentetan itu pelindung membuat lawatan ke rumah kanak-kanak bagi

menjalankan siasatan yang mana pada masa sama pihak AADK (Agensi Antidadah Kebangsaan) melaksanakan operasi penangkapan ke atas ibu bapanya," katanya dihubungi Harian Metro, semalam.

Kalsom berkata, beliau difahamkan hasil saringan ujian air kencing, kedua ibu bapa lima beradik itu didapati positif dadah jenis syabu.

Katanya, hasil perbincangan JKM mendapati semua kanak-kanak perlu diselamatkan dan diletakkan dibawah Perintah Jagaan Sementara di tempat selamat mengikut seksyen 25(2) Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu di Rumah Kasih Tun Abdul Aziz, Durian Daun, dekat sini.



KAKITANGAN JKM menyelamatkan lima beradik membabitkan dua perempuan dan tiga lelaki berusia 10 hingga tiga bulan yang sering ditinggalkan ibu bapa mereka.



Amyra Varkisa Sarawak News, Top Story 2 March 2024 14 hours ago

## Minister calls for increased male participation in women's development programmes



Fatimah (left) presenting KIRWaS to a recipient. Also seen are Salmah (second from left) and others.

**SIBU:** Minister for Women, Childhood and Community Wellbeing Development, Datuk Seri Fatimah Abdullah has called for greater male participation in programmes for women.

Citing the Jelajah Kerjaya Wanita Sarawak as an example, the Dalat assemblywoman noted that these programmes are typically attended only by women.

"We need to dispel the stereotype that women's programmes are exclusively for women. Men are also encouraged to participate in such programmes to demonstrate support and gain knowledge."

Fatimah said this during the Program Jelajah Kerjaya Wanita Sarawak Bahagian Sibü at Sibü Gateway here on Friday (March 1).

At the programme, a total of 43 recipients received Female Head of Household Micro Assistance (KIRWaS) amounting to RM500, while 143 women from the lower-income group have received a total grant of RM276,158.50.

Meanwhile, on the programme, she said that four locations, namely Sibü, Kapit, Samarahan, and Limbang, have been identified for the programme this year.

"For the programme taking place today until tomorrow, a total of 14 government agencies and registration agencies will deliver service briefings and open consultation counters to provide various grants and entrepreneurial assistance.

"I hope that the entire community in Bintulu and its surrounding areas will take advantage of and benefit from the organisation of this programme, especially women seeking opportunities in income generation as successful entrepreneurs."

Fatimah hoped that public information and feedback can be gathered through the programme and used as a reference for departmental planning in the future, whether in policy formulation or programme initiative.

Also present was Sarawak Women and Family Department director Salmah Jobeli.



📍 Amyra Varkisa 📰 Sarawak News, Top Story 📅 2 March 2024 ⌚ 15 hours ago

## Ministry aims to empower women in business amid SST increase



: (Seated, from second left) Salmah and Fatimah in a group photo with the attendees.

**SIBU:** The Ministry for Women, Childhood, and Community Wellbeing Development is committed to empowering women to venture into business, especially in light of the Sales and Service Tax (SST) increase from 6 per cent to 8 per cent, effective March 1.

"Starting today, the SST will see an increase from 6 per cent to 8 per cent. The cost of food and other essential things will be affected. The B40 group whose income is not stable will feel the pinch with higher price of goods," minister Datuk Seri Fatimah Abdullah said.

She said this at the Program Jelajah Kerjaya Wanita Sarawak Bahagian SibU at SibU Gateway here on Friday (March 1).

At the programme, a total of 43 recipients received Female Head of Household Micro Assistance (KIRWaS) amounting to RM500, while 143 women from the lower-income group have received a total grant of RM276,158.50.


Fatimah also stressed that the ministry is currently doubling its efforts in assisting women to provide supplementary income to the family due to the rising cost of living.

"Some of the women are the breadwinners of the family as their husband cannot work due to sickness while others are single mothers."

Fatimah also emphasised the importance of women utilising their skills in entrepreneurship to empower family economies amidst rising living costs.

She highlighted how women played a crucial role during the Covid-19 pandemic, engaging in online sales to generate income.

Also present was Sarawak Women and Family Department director Salmah Jobeli.



## | Kenyalang Gold Card: Ministry out to seek more strategic partners

BY PETER BOON ON MARCH 2, 2024, SATURDAY AT 7:02 AM

SARAWAK



*Fatimah (second left) presents the KGC strategic partner plaque to Win Hotel manager Desmond Leong, as third left, as Tang (left) and Rohana look on.*

SIBU (March 2): The Ministry of Women, Childhood and Community Wellbeing Development is set to embark on an 'aggressive' recruiting strategy to build up the Kenyalang Gold Card (KGC)

The KGC is a state government's initiative where Sarawakian card holders aged 60 and above can enjoy discounts or rebates on essentials and services initiative, at selected establishments that have become the programme's partners.

"We would want to add more strategic partners to this initiative so that this card can be used more comprehensively," said minister Dato Sri Fatimah Abdullah in her speech for the KGC's plaque presentation ceremony to Win Hotel, its latest strategic partner, here yesterday.

Fatimah also emphasised on the benefits of signing up into the KGC's strategic partnership where both participating merchants and cardholders would gain mutual benefits.

"For those who would want to be KGC's strategic partner but do not know how to apply, the application forms can be obtained at the Welfare Department, or they can also fill out the form online," she said.

According to Fatimah, KGC currently has 471 strategic partners throughout Sarawak, of which 40 of them are from the SibU Division.

"Sibu has 37,930 KGC's memberships, out of the 273,979 cardholders in total," she added.

Speaking on the amendment to the death compassionate assistance (BIK) distributed by the Sarawak government to the KGC cardholders; she said this move would provide them more benefits.

"We have reviewed the assistance and with the approval of the state government, we hope to start by giving medical benefits to the low-income group (B40)," she said.

"When the KGC cardholders go to our health panel to seek treatment, the fee will be deducted from the amount given to the cardholder," she said, while adding that the annual aid limit would be decided later.

"This means that when the cardholders are still alive, they can make use of their KGC membership to seek treatment at any participating private clinics or hospitals, so that they don't have to queue to the public hospital."

Through the amendment, the death assistance (BIK), amounting to RM3,000, would be reduced to enable cardholders to receive health treatment, said Fatimah.

Among those present at the event were Welfare Department's social welfare assistance branch head Rohana Isnawi, SibU Division Welfare officer Tang Kee Lee.

## 399 permohonan BKPBP diluluskan berjumlah RM6.9 juta: Fatimah

2024-03-02T09:40:28+08:00



Fatimah (dua kanan) dan Lau (kanan) ketika melawat pesakit buah pinggang yang menerima rawatan dialisis di SKF, semalam.

SIBU: Sebanyak 399 permohonan Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang (BKPBP) telah diluluskan dengan jumlah perbelanjaan RM6.9 juta sejak 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2023.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, BKPBP merupakan inisiatif kerajaan Sarawak untuk membantu meringankan beban pesakit buah pinggang di Sarawak yang memerlukan rawatan penyakit buah pinggang.

Bantuan tersebut telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mulai Mac 2020.

Ketika ditemui pemberita selepas mengadakan lawatan ke Yayasan Buah Pinggang SibU (SKF) hari ini, Fatimah memberitahu kelulusan permohonan bantuan atas kriteria kelayakan penerima.

"Keutamaan permohonan adalah kepada orang Sarawak (kad pengenalan status 'K') dan menetap di Sarawak, tiada had umur, tergolong dalam kumpulan B40 atau M40 dan tidak mendapat subsidi rawatan dan bantuan pengangkutan daripada mana-mana agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan," ujarnya.

Fatimah memberitahu, selain itu tersedia Bantuan Mesin Hemodialisis dan pada tahun lalu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) telah membeli sebanyak 24 mesin hemodialisis secara tender.

"Sebuah mesin bernilai RM41,150 dan keseluruhan perbelanjaan pembelian 24 mesin adalah sebanyak RM987,600.

"Penempatan dan penambahan mesin hemodialisis di institusi-institusi kesihatan kerajaan di seluruh Sarawak adalah mengambil kira keperluan penggunaan mesin atas sebab pertambahan bilangan pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan, penggantian mesin hemodialisis yang telah lama dan usang dan kapasiti penggunaan mesin yang tinggi," jelasnya.

Fatimah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat memuji Yayasan Buah Pinggang SibU (SKF) yang telah memberi perkhidmatan terbaiknya kepada pesakit buah pinggang di sini.

Menurutnya, SKF ialah sebuah organisasi bukan untung yang ditubuhkan pada 1993 dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik orang ramai tentang kesihatan dan pencegahan penyakit buah pinggang.


"Saya cukup kagum dengan semangat amal masyarakat SibU, pemimpin tempatan, ahli perniagaan dan semua yang terlibat dalam penubuhan SKF, pusat dialisis NGO pertama di SibU.

"Saya dapat melihat ia telah dijalankan secara profesional di bawah kepemimpinan Lembaga Pemegang Amanah SKF yang terdiri daripada para profesional dan penduduk tempatan.

"Dengan standard perkhidmatan dan penjagaan perubatan yang tinggi, SKF mempunyai pesakit yang menjalani dialisis di sini selama lebih dari 30 tahun.

"Ini menunjukkan tiada kompromi terhadap kualiti perkhidmatan daripada pasukan yang terlatih dan berdedikasi di SKF," katanya.

Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah SKF Temenggung Dato Vincent Lau Lee Ming dan Pengurus SKF April Wong.



## Puspanita perlu jadi pelengkap kerajaan dalam menyantuni rakyat - KPPA

Bernama

Mac 2, 2024 08:30 MYT



*Wan Ahmad Dahlan menyampaikan kenyataan beliau sempena perasmian Mesyuarat Agung PCK JPA 2024 pada Jumaat. - Facebook JPA*

**PUTRAJAYA:** Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) perlu menjadi pelengkap kepada sektor kerajaan dalam menyantuni rakyat melalui penganjuran pelbagai program kemasyarakatan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz berkata peranan itu penting kerana sebilangan besar wanita kini merupakan pemimpin dalam pelbagai profesion, sama ada di sektor swasta atau awam termasuk di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"Puspanita Cawangan Kecil (PCK) JPA mempunyai peranan yang sangat besar dalam merencanakan program melibatkan warga kerja JPA dan memberi manfaat kepada anggotanya.

"Saya harap PCK JPA akan terus aktif dan kreatif dalam menganjurkan pelbagai inisiatif serta program secara kerjasama strategik yang dapat memberikan manfaat kepada anggotanya serta menyantuni masalah masyarakat," katanya yang juga Penasihat PCK JPA dalam kenyataan yang dikeluarkan sempena perasmian Mesyuarat Agung PCK JPA 2024 semalam.

Dalam kenyataan sama, Pengerusi PCK JPA Datin Seri Dr Azlifah Bahari menyeru semua ahli PCK JPA supaya meneruskan komitmen dan kerjasama untuk meningkatkan kecemerlangan, imej dan prestasi PCK JPA.

Pada majlis yang sama, Azlifah turut merasmikan Sambutan Hari Wanita Peringkat JPA sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang akan disambut pada 8 Mac ini, bertemakan 'Wanita Dijulang Negara Gemilang'.



## Trauma dicabul rakan sekerja warga asing

Raja Noraina Raja Rahim  
noraina@hmetro.com.my



GAMBAR HIASAN

Ampang: Seorang pembantu jualan wanita melalui detik hitam apabila dicabul rakan sekerjanya di sebuah pasar raya di Taman Permata di sini, pada Khamis lalu.

Wanita berusia 32 tahun itu dipeluk, dicium dan diraba lelaki warga asing yang berusia 27 tahun sebelum tampil membuat laporan polis.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, pihaknya menerima laporan pada jam 4.45 petang hari kejadian.

"Mangsa mendakwa selepas habis waktu bekerja di bahagian stor simpanan, suspek bertanyakan mengenai berat badannya. Suspek kemudian bertindak memeluk dan mengangkat mangsa dari arah belakang.

"Mangsa turut dicium pada bahagian pipi dan badannya diraba suspek. Suspek juga cuba mencium mulut mangsa," katanya dalam kenyataan hari ini.

Bertindak atas laporan, Mohd Azam berkata, sepasukan polis menjalankan siasatan dan berjaya menahan suspek di jalan Taman Permata pada jam 2.30 petang semalam.

Katanya, suspek direman selama empat hari bermula hari ini sehingga Selasa.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan kerana mencabul kehormatan.



TAJUK : DOCTOR CABUL KALI KE-2 DITAHAN

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 3 MAC 2024

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## PEMBANTU KLINIK JADI MANGSA

# DOKTOR CABUL KALI KE-2 DITAHAN

### Seremban

Seorang doktor lelaki ditahan kelmarin selepas disyaki mencabul seorang pekerjanya di sebuah klinik swasta di Bandar Seri Jempol di sini, dalam satu kejadian pada 24 Februari lalu.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Hoo Chang Hook berkata, doktor berusia 36 tahun itu ditahan selepas pihaknya menerima laporan kejadian itu daripada wanita

yang berusia 24 tahun pada jam 6 petang, Rabu lalu.

“Siasatan mendapati mangsa yang bekerja sebagai pembantu di klinik itu sejak sebulan lepas dicabul ketika berada di bilik


rehat selepas waktu bekerja dan ia merupakan kejadian kedua berlaku terhadapnya dengan yang pertama pada 19 Februari lalu.

“Kejadian berkenaan

**“Siasatan mendapati mangsa yang bekerja sebagai pembantu di klinik itu sejak sebulan lepas dicabul ketika berada di bilik rehat selepas waktu bekerja dan ia merupakan kejadian kedua berlaku terhadapnya dengan yang pertama pada 19 Februari lalu”**

menyebabkan mangsa mengalami trauma. Dia kemudian mengadu kepada keluarganya sebelum membuat laporan polis. Keterangan beberapa saksi diambil untuk membantu siasatan,” katanya.

Hoo berkata, suspek yang juga pemilik klinik itu direman tiga hari sehingga 3 Mac ini dan polis sedang melengkapkan kertas siasatan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksan sebelum dirujuk kepada timbalan pendakwa raya.



TAJUK : WANITA TRAUMA DICABUL RAKAN SEKERJA

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 3 MAC 2024

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Wanita trauma dicabul rakan sekerja

**Ampang:** Seorang pembantu jualan wanita melalui detik hitam apabila dicabul rakan sekerjanya di sebuah pasar raya di Taman Permata di sini, pada Khamis lalu.

Wanita berusia 32 tahun itu dipeluk, dicium dan diraba lelaki warga asing yang berusia 27 tahun sebelum tampil membuat laporan polis.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, pihaknya menerima laporan jam 4.45 petang hari kejadian.

“Mangsa mendakwa selepas habis waktu bekerja di bahagian stor simpanan, suspek bertanya mengenai berat badannya. Suspek kemu-


dian bertindak memeluk dan mengangkat mangsa dari arah belakang.

“Mangsa turut dicium pada bahagian pipi dan badannya diraba suspek. Suspek juga cuba mencium mulut mangsa,” katanya.

Bertindak atas laporan, Mohd Azam berkata, sepasukan polis menjalankan siasatan dan menahan suspek di jalan Taman Permata pada jam kira-kira 2.30 petang kelmarin.

Katanya, suspek direman selama empat hari sehingga Selasa.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan kerana mencabul kehormatan.



TAJUK : 399 PERMOHONAN BKPBP DILULUS BERJUMLAH RM6.9 JUTA: FATIMAH

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 3 MAC 2024

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## 399 permohonan BKPBP diluluskan berjumlah RM6.9 juta: Fatimah

**SIBU:** Sebanyak 399 permohonan Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang (BKPBP) telah diluluskan dengan jumlah perbelanjaan RM6.9 juta sejak 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2023.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, BKPBP merupakan inisiatif kerajaan Sarawak untuk membantu meringankan beban pesakit buah pinggang di Sarawak yang memerlukan rawatan penyakit buah pinggang.

Bantuan tersebut telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mulai Mac 2020.

Ketika ditemui pemberita selepas mengadakan lawatan ke Yayasan Buah Pinggang SibU (SKF) kelmarin, Fatimah memberitahu kelulusan permohonan bantuan atas kriteria kelayakan penerima.

"Keutamaan permohonan adalah kepada orang Sarawak (kad pengenalan status 'K') dan menetap di Sarawak, tiada had umur, tergolong dalam kumpulan B40 atau M40 dan tidak mendapat subsidi rawatan dan bantuan pengangkutan daripada



**SANTUNI:** Fatimah (dua kanan) dan Lau (kanan) ketika melawat pesakit buah pinggang yang menerima rawatan dialisis di SKF, kelmarin.

mana-mana agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan," ujarnya.

Fatimah memberitahu, selain itu tersedia Bantuan Mesin Hemodialisis dan pada tahun lalu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) telah membeli sebanyak 24 mesin hemodialisis secara tender.

"Sebuah mesin bernilai RM41,150 dan keseluruhan perbelanjaan pembelian 24 mesin adalah sebanyak RM987,600.

"Penempatan dan penam-bahan mesin hemodialisis di institusi-institusi kesih-

hatan kerajaan di seluruh Sarawak adalah mengambil kira keperluan penggunaan mesin atas sebab pertambahan bilangan pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan, penggantian mesin hemodialisis yang telah lama dan usang dan kapasiti penggunaan mesin yang tinggi," jelasnya.

Fatimah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat memuji Yayasan Buah Pinggang SibU (SKF) yang telah memberi perkhidmatan terbaiknya kepada pesakit buah pinggang di sini.

Menurutnya, SKF ialah sebuah organisasi bukan untung yang ditubuhkan pada 1993 dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik orang ramai tentang kesihatan dan pencegahan penyakit buah pinggang.

"Saya cukup kagum dengan semangat amal masyarakat SibU, pemimpin tempatan, ahli perniagaan dan semua yang terlibat dalam penubuhan SKF, pusat dialisis NGO pertama di SibU.

"Saya dapat melihat ia telah dijalankan secara profesional di bawah kepimpinan Lembaga Pemegang Amanah SKF yang terdiri daripada para profesional dan penduduk tempatan.

"Dengan standard perkhidmatan dan penjagaan perubatan yang tinggi, SKF mempunyai pesakit yang menjalani dialisis di sini selama lebih dari 30 tahun.

"Ini menunjukkan tiada kompromi terhadap kualiti perkhidmatan daripada pasukan yang terlatih dan berdedikasi di SKF," katanya.

Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah SKF Temenggung Dato Vincent Lau Lee Ming dan Pengurus SKF April Wong.